# PENDIDIKAN ISLAM
# PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
# TAHUN 2024

## PERATURAN PEMARKAHAN

## UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**PERATURAN PEMARKAHAN**

**PENDIDIKAN ISLAM KERTAS 1**

| Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 1 | (a) | (i) | Maksud sunnatullah:<br>-Sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk (1m) dan tiada siapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan tersebut (1m). | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | | (ii) | Dua kepentingan mengkaji dan meneliti sejarah umat terdahulu terhadap umat Islam:<br>- Mengenalpasti sebab kejayaan umat terdahulu supaya sentiasa terus berusaha.<br>- Mengetahui sebab kemusnahan umat terdahulu agar sentiasa terus beriman.<br>- Dapat dijadikan iktibar dalam kehidupan dengan berpegang teguh pada akidah yang benar.<br>-<br>**Catatan:** Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (iii) | Dua pengajaran ayat di atas:<br>- Kita hendaklah meyakini bahawa Allah SWT telah mengatur kehidupan manusia bersesuaian dengan peraturan dan ketetapanNya (1m) supaya menjadi hamba yang bersyukur (1m).<br>- Kita hendaklah menjadi pengembara di muka bumi (1m) supaya dapat mengetahui dan menyelidiki sunnatullah (1m).<br>- Kita hendaklah mengkaji dan menyelidiki sejarah umat terdahulu (1m) agar menjadi pedoman dalam kehidupan (1m).<br>- Kita hendaklah meyakini bahawa al-Quran ialah petunjuk ke arah kebenaran bagi orang yang beriman dan bertakwa(1m) supaya bahagia dunia dan akhirat(1m).<br>- Kita hendaklah menjauhi sikap lemah dan mudah berputus asa ketika menerima ujian dalam kehidupan(1m)kerana ia boleh menjauhkan seseorang daripada mendapat rahmat Allah SWT (1m).<br>- Kita hendaklah menjaga keimanan (1m) agar beroleh kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT (1m). | 2 isi x 2m<br>= 4m<br><br>Isi=1m<br>Huraian=1m |
| | (b) | (i) | Dua individu selain pekerja:<br>- Pemimpin.<br>- Suami.<br>- Isteri.<br>- Anak. | 2 isi x 1m<br>= 2m |

<table>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua tanggungjawab pekerja:<br>- Mengikut arahan ketua.<br>- Bekerja dengan penuh integriti.<br>- Bekerja mengikut prosedur yang ditetapkan.<br>- Melaksanakan tugas dengan sempurnanya.<br>-<br>Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi Sahaja</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas</td><td>2 markah</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh menyokong isi yang diberi.</td><td>3 markah</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh menyokong isi yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4 markah</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>- Mendapat keredaan Allah SWT kerana melakukan perintahNya<br>- Dipandang mulia oleh masyarakat kerana melakukan pekerjaan dengan baik.<br>- Hasil kerja menjadi berkualiti kerana melakukan kerja dengan bersungguh-sungguh.</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td></td><td>Dua bahagian ibtida’:<br>- Ibtida’ Hasan<br>- Ibtida’ Qabih</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td>2</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud nama Allah SWT al-Muntaqim:<br>-Nama Allah SWT yang menunjukkan Allah SWT Maha Pembalas (1m) dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas (1m).</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua cara untuk membuktikan keimanan kepada Allah SWT yang bersifat al-Muntaqim:<br>- Segera bertaubat apabila melakukan dosa.<br>- Berhati-hati dalam melakukan sesuatu tindakan.<br>- Takut melakukan maksiat dan dosa.<br>- Sentiasa taat melakukan perintah Allah SWT.<br>Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran<br>
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi Sahaja</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas</td><td>2 markah</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh menyokong isi yang diberi.</td><td>3 markah</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh menyokong isi yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4 markah</td></tr>
</table>
<br>Cadangan isi:<br>
- Allah SWT akan memberi balasan kepada orang yang tidak mengikut ajaran al-Quran.<br>
- Orang yang menolak ajaran rasul akan menerima balasan dari Allah SWT.<br>
- Orang yang berterusan melakukan dosa akan mendapat balasan azab daripada Allah SWT.</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Sejarah kemunculan kumpulan Syiah:<br>Kumpulan yang menuntut supaya Saidina Ali bin Abu Talib dilantik sebagai khalifah selepas Rasulullah SAW(1m) dan berkeyakinan bahawa hanya ahlil bait sahaja yang lebih layak memegang jawatan khalifah (1m).</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua prinsip utama kumpulan Syiah:<br>
- Al-Imamah iaitu merupakan rukun agama yang telah ditentukan oleh Allah SWT melalui lisan Rasulullah SAW secara nas.<br>
- Meyakini imam-imam adalah maksum iaitu terpelihara daripada dosa kecil dan besar.<br>
- Menyanjung saidina Ali r.a. secara keterlaluan sehingga disamakan dengan Rasulullah SAW.<br>
- Al-Taqiyyah iaitu menyembunyikan sesuatu yang boleh membahayakan diri atau harta benda dengan menampakkan sesuatu yang berbeza dengan hakikat sebenarnya.</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
</table>

<table>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td>(iii)</td>
<td>Rubrik penskoran
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi Sahaja</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas</td><td>2 markah</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh menyokong isi yang diberi.</td><td>3 markah</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh menyokong isi yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4 markah</td></tr>
</table>
<br>
Cadangan isi:<br>
- Masyarakat akan berpecah belah kerana berbeza fahaman akidah.<br>
- Masyarakat tidak tenteram kerana diancam pengaruh ajaran sesat.<br>
- Masyarakat akan ditimpa bencana oleh Allah SWT kerana melakukan penyelewengan akidah.</td>
<td>4m</td>
</tr>
<tr>
<td>3</td>
<td>(a)</td>
<td>(i)</td>
<td>Dua contoh binatang al-an’am yang disyariatkan akikah:<br>
- Kambing.<br>
- Lembu.<br>
- Kerbau.<br>
- Biri-biri.<br>
- Unta.</td>
<td>2 isi x 1m<br>= 2m</td>
</tr>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td>(ii)</td>
<td>Dua perkara sunat akikah:<br>
- Berdoa semasa hendak menyembelih.<br>
- Dilakukan pada hari ke tujuh kelahiran.<br>
- Menyembelih ketika matahari sedang naik.<br>
- Tidak mematah-matahkan tulang.<br>
- Mencukur rambut bayi selepas penyembelihan.<br>
- Bersedekah emas atau perak seberat rambut bayi.</td>
<td>2 isi x 1m<br>= 2m</td>
</tr>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td>(iii)</td>
<td>Dua hikmah akikah<br>
- Menzahirkan kesyukuran kepada Allah(1m)atas kurniaan cahaya mata(1m).<br>
- Menghebahkan berita kelahiran(1m)supaya tidak timbul prasangka(1m).<br>
- Menyuburkan sifat pemurah(1m)dengan menjauhi sifat bakhil(1m).<br>
<br>
Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td>
<td>2 isi x 2m<br>= 4m<br><br>Isi=1m<br>Huraian=1m</td>
</tr>
</table>

**Join SPM Study Group**
https://spmpaper.me/group

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (b) | (i) | Maksud solat sunat dhuha:<br>Solat sunat yang dilakukan pada waktu antara naik matahari selepas syuruk hingga sebelum gelincir matahari. | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | | (ii) | Kaifiat solat sunat dhuha:<br><br>Bilangan rakaat:<br>- 2, 4, 6 atau 8 rakaat.<br><br>Cara pelaksanaan:<br>- Digalakkan secara bersendirian.<br>- Boleh dilakukan secara berjemaah. | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | (c) | (i) | Maksud qisas:<br>-Hukuman keseksaan yang telah ditetapkan jenis dan bentuk hukumannya secara balasan yang sama dalam al-Quran dan al-Sunnah. | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | | (ii) | Dua jenis kesalahan di bawah hukuman qisas:<br>- Pembunuhan<br>- Perbuatan yang membawa kecederaan | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (iii) | Rubrik penskoran (see table below)<br><br>**Cadangan isi**:<br><br>- Menimbulkan rasa gerun dan takut untuk melakukan jenayah tersebut.<br>- Mangsa mendapat keadilan yang setimpal ke atas pelaku.<br>- Penjenayah akan mengelak melakukan jenayah tersebut. | 4m |

Rubrik penskoran

| **Deskriptor** | **Skor** |
|---|---|
| Menyatakan isi Sahaja | 1 markah |
| Menjelaskan isi berserta huraian ringkas | 2 markah |
| Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh menyokong isi yang diberi. | 3 markah |
| Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh menyokong isi yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4 markah |

<table>
<tr><td>4</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Dua Sumbangan Harun al-Rasyid bin Muhammad al-Mahdi:<br>- Memperkemas sistem percukaian Islam berpandukan kitab al-Kharaj.<br>- Mewujudkan jawatan ketua hakim negara (Qadhi al-Qudhah).<br>- Membina Baitul Hikmah (perpustakaan agung).<br>- Menjadikan Baghdad sebagai pusat tumpuan perdagangan, keilmuan dan kebudayaan.<br>- Membina kemudahan awam seperti farmasi dan pusat pengajian.<br>- Menubuhkan Majlis al-Munazarah sebagai pusat penyelidikan ilmu agama.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua faktor kegemilangan kerajaan Abbasiyyah dalam<br>aspek ketenteraan :<br>- Strategi peperangan yang mantap (1m) seperti strategi al-Karadis (1m).<br>- Inovasi peralatan peperangan yang moden dan canggih(1m) yang mampu mengalahkan musuh dengan mudah (1m).<br>- Keprihatinan pemimpin menjaga kebajikan tentara(1m)agar tentara berasa dibela dan dibantu dengan sebaiknya(1m).<br>- Dasar keterbukaan keanggotaan tentera kepada orang bukan Arab (1m)supaya dapat menghilang sifat perkauman dikalangan anggota tentera (1m).</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m<br><br>Isi=1m<br>Huraian=1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran<br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi Sahaja</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas</td><td>2 markah</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh menyokong isi yang diberi.</td><td>3 markah</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh menyokong isi yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4 markah</td></tr></table><br>Cadangan isi:<br><br>- Meningkatkan kesungguhan pelajar mendalami ilmu<br>- Meramaikan pelajar Islam menceburi bidang-bidang penting dalam negara.<br>- Mewujudkan pesaingan yang sihat dikalangan pelajar untuk mendapat biasiswa.</td><td>4m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (b) | (i) | Riwayat hidup secara ringkas Ahmad bin Ibrahim:<br>- Nama sebenarnya ialah Ahmad bin Muhammad Ibrahim.<br>- Dilahirkan pada 15 Mei 1916.<br>- Meninggal dunia pada 17 April 1999.<br>- Gelaran sebagai Profesor Emeritus Tan Sri Doktor.<br>- Pernah berkhidmat sebagai Pensyarah Kuliah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Hakim Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Syariah.<br>- Suka menyebar ilmu.<br>- Sentiasa menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan. | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (ii) | Dua sumbangan Ahmad bin Ibrahim:<br><br>Hasil karya<br>- Undang-undang keluarga Islam di Malaysia dan Family Law in Malaysia.<br>- Pelopor jurnal hukum.<br>- Menghasilkan buku berkaitan undang-undang di Malaysia seperti sistem undang-undang Malaysia dan Islamic law in Malaysia.<br><br>Kehakiman<br>- Hakim mahkamah rayuan dan mahkamah Syariah<br><br>Perundangan<br>- Anggota panel pengasas kuliah undang-undang di Universiti Islam Antara bangsa<br>- Pengasas dan pengubal enakmen undang-undang Islam(hudud dan qisas)Kelantan pada Tahun 1991. | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | | (iii) | Dua iktibar yang boleh diambil daripada keunggulan tokoh:<br>- Kita hendaklah mencontohi kegigihan tokoh dalam menuntut ilmu(1m)sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu(1m).<br>- Kita hendaklah bersifat cekal dalam menyampaikan dakwah (1m)agar masyarakat dapat memahami Islam dengan sebenar (1m).<br>- Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki (1m) agar dapat memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara (1m).<br>- Kita hendaklah berusaha menjadi insan yang lebih berkualiti (1m) supaya dapat berbakti kepada masyarakat dan negara (1m).<br>- Kita hendaklah bekerjasama dalam membangunkan negara (1m) supaya negara dihormati di peringkat antarabangsa (1m).<br><br>**Catatan:** Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi x 2m<br>= 4m<br><br>Isi=1m<br>Huraian=1m |

<table>
<tr><td>5</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Dua adab terhadap orang sakit daripada aspek emosi:<br>- Memberikan semangat dan motivasi.<br>- Tidak melakukan sesuatu yang boleh mengganggu ketenteraman mereka.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua hikmah beradab ketika menjaga orang sakit:<br>- Dapat mengembirakan pesakit dalam menghadapi ujian Allah SWT (1m) agar kesakitan yang dihadapi semakin pulih (1m).<br>- Dapat mewujudkan hubungan silaturahim sesama umat Islam (1m) kerana hubungan yang baik semasa makhluk disukai Allah SWT (1m).<br>- Melahirkan keinsafan dalam diri (1m) kerana diberi nikmat kesihatan (1m).<br>Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m<br><br>Isi=1m<br>Huraian=1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi Sahaja</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas</td><td>2 markah</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh menyokong isi yang diberi.</td><td>3 markah</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh menyokong isi yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4 markah</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>- Menyediakan peralatan yang sesuai untuk memudahkanya berwuduk dan melaksanakan solat.<br>- Membantunya dengan melakukan apa-apa sahaja yang disuruh bagi meringankan bebannya.<br>- Memberi penerangan cara melaksanakan solat dengan betul jika diminta.</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud istiqamah:<br>-Ketaatan yang berterusan dalam melaksanakan suruhan Allah SWT dan menjauhi larangan.</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | Dua contoh sifat istiqamah yang boleh dicontohi daripada Rasulullah SAW:<br>- Rasulullah SAW istiqamah beribadah kepada Allah SWT tidak jemu beristighfar memohon keampunan lebih daripada 70 kali sehari.<br>- Rasulullah SAW tetap menyebarkan agama Islam walaupun menghadapi pelbagai kesusahan dan ancaman. | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | | (iii) | Rubrik penskoran<br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi Sahaja</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas</td><td>2 markah</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh menyokong isi yang diberi.</td><td>3 markah</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh menyokong isi yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4 markah</td></tr></table><br>**Cadangan isi**:<br>**Gambar 2**<br>- Solat berjemaah merupakan tuntutan dalam Islam.<br>- Solat berjemaah mendapat ganjaran pahala yang besar daripada Allah SWT.<br>- Solat dapat mengelak melakukan perkara yang dilarang dalam Islam. | 4m |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**